

**UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,
PEMANGKU PRESIDEN UMNO,
DI PERHIMPUNAN AGONG UMNO,
YANG KE 28, DI HOTEL HILTON,
KUALA LUMPUR, PADA
1HB. JULAI, 1977 JAM 10.00 PAGI.**

**ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH**

BISMILLAHIR RAHMANIRRAHIM,

Pengerusi Tetap Majlis,

Naib-naib President,

Ahli-ahli Majlis Tertinggi,

Ketua-ketua dan Wakil-wakil Parti-parti dalam
Barisan Nasional,

Para Perwakilan dan Pemerhati sekalian,

Saya mengucapkan syukur ke hadrat ALLAH Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia serta izinNya dapat kita sekali lagi berhimpun pada pagi yang mulia ini. Saya sukalah mengalukan sidang perwakilan serta pemerhati yang telah datang dari jauh dan dekat dan khususnya mereka yang hadir buat pertama kalinya, ke Perhimpunan Agung yang ke 28 ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih serta penghargaan kepada ketua-ketua atau wakil-wakil parti dalam Barisan Nasional iaitu MCA, MIC, PAS, GERAKAN, Parti Pesaka Bumiputra Sarawak, SUPP, PPP, BERJAYA, USNO dan SNAP, atas kesudian serta penghormatan mereka hadir di majlis ini. Kehadiran mereka ini mem-

buktikan keyakinan dan sokongan serta melahirkan semangat kerjasama dan persefahaman yang memang sentiasa wujud dikalangan parti anggota Barisan Nasional.

Sememanglah Perhimpunan seperti ini menarik minat ramai gulungan. Lebih-lebih lagi bagi parti yang terbesar dan tertua seperti UMNO, yang merupakan tulang belakang parti yang mendukung Kerajaan. Bertambah pula dalam keadaan masyarakat yang pesat berkembang, kebanyakan dari kita lebih suka mendapatkan 'first hand news' dari hanya mendengar berita-berita di Radio dan TV Malaysia atau pun membacanya dari surat-surat khabar mengenai Perhimpunan Agung kita ini.

Itulah sebabnya pada pagi ini, nampaknya, bilangan hadirin lebih ramai dari yang dijangkakan. Mereka bukan sahaja terdiri dari pemerhati-pemerhati dalam UMNO sendiri bahkan dari luar, yang juga suka mengikuti perkembangan dan perbahasan kita. Mungkin barangkali mereka sangka atau jangkakan Perhimpunan Agung tahun ini akan lebih hebat dan hangat dari Perhimpunan Agung yang bersejarah tahun lalu.

Ekoran dari Perhimpunan Agung tahun lalu, berbagai peristiwa telah berlaku. Saya tidaklah berhajat hendak menghuraikan satu persatunya, tetapi sebanyak sedikit kecemaran telah berlaku, yang telah menjejaskan sedikit imej parti serta sikap dan pandangan orang luar terhadap UMNO.

Walau bagaimana pun saya akan sentiasa memelihara nama baik serta kemuliaan dan kesucian parti kita.

Saya harap setiap ahli di semua peringkat sentiasa menjaga nama baik dan kesucian ini pada setiap masa agar UMNO yang telah kita sama-sama tubuh dan suburkan, akan terus kekal sebagai teras memperjuangkan kepentingan orang Melayu.

PERJUANGAN

Banyak kejayaan dan kemajuan telah dicapai sejak kemerdekaan. Dengan sumbangan tenaga cerdikpandai yang bersimpati serta menunjukkan minat terhadap perjuangan UMNO, membantu pelopor-pelopor parti, kita telah dapat meningkatkan lagi kemajuan dan kejayaan yang telah diperolehi itu. Tetapi apa yang patut kita sentiasa fahami dan ingati bahawa kemakmoran yang telah kita nikmati selama ini, adalah hasil perjuangan gigih serta pengorbanan yang tidak ternilai pengasas-pengasas parti yang telah bersungguh-sungguh memperjuangkan kemerdekaan tanah air.

Memanglah menjadi lumrah atau kebiasaan bahawa semangat perjuangan dan pengorbanan menjadi semakin tipis dalam masyarakat yang makmur. Bagi mengelakkan kita leka atau lalai dengan kemajuan dan kejayaan yang telah kita capai itu, semangat perjuangan dan pengorbanan tahun-tahun empat pulohan yang telah ditunjokkan oleh pengasas dan pelopor parti itu disatu dan digembelingkan dengan dayausaha golongan muda

yang ingin maju, supaya kita dapat menghasilkan kejayaan dan kemajuan yang berlipatganda lagi.

Sesungguhnya kemajuan dan kejayaan kita itu telah membawa penyertaan segenap gulongan dan lapisan masyarakat dalam parti kita. Dari sebilangan ahli kita yang ramai dan berbagai aneka itu, ada pula yang sentiasa menitekberatkan unsur-unsur perlembagaan dan peratoran parti. Terdapat juga gejala yang kurang sihat muncul bersama-sama dengan kemajuan dan kejayaan kita itu. Penyalah-gunaan perlembagaan parti, penyalah-gunaan kebebasan dan penyalah-gunaan kuasa telah timbul sehingga menyebabkan perkara-perkara yang tidak perlu berlaku wujud menjadi masalah kita.

Saya sukalah membangkitkan masalah usul undi tidak percaya yang telah timbul di beberapa Bahagian dan Cawangan UMNO. **Baru-baru ini saya telah mengarahkan Ibu Pejabat supaya menasihatkan Bahagian-bahagian mengelakkan daripada usul serupa ini dikemukakan dan diluluskan. Ini bukanlah pula bertujuan menyekat kebebasan ahli-ahli seperti yang terdapat di dalam Perlembagaan bahkan kerana kita tidak sanggup dibebankan dengan implikasi-implikasi yang tidak diingini yang mungkin timbul daripada usul-usul tersebut.**

Memanglah ada orang-orang dan puak-puak yang hendak memecah-belahkan UMNO. Mereka tidak senang hati melihat parti kita kukuh dan teguh. Mereka mempergunakan orang-orang

dalam parti untuk membelah-bahagikan ahli-ahli UMNO dan mewujudkan puak-puak dalam parti. Mereka cuba membangkitkan kesangsian dan kecurigaan di kalangan ahli-ahli dengan tujuan dapat mewujudkan seolah-olah ada musuh di sekeliling kita dan ada masalah yang besar yang mesti kita selesaikan segera.

Kesemuanya ini adalah bertujuan memesongkan perhatian kita supaya kita tidak dapat menumpukan sepenuh usaha dan tenaga kita terhadap matalamat penting perjuangan kita. Saya bimbangkan kalau-kalau ada orang-orang dan puak-puak di luar kalangan pucuk pimpinan yang cuba hendak 'menangguk udang di air keroh'.

WASPADA

Di Perhimpunan Agung inilah tempatnya bagi ahli-ahli menyuarakan segala rasa tidak puashati atau kesangsian terhadap sikap dan tindakan pucuk pimpinan melaksanakan matalamat dan dasar perjuangan parti kita. Jika ini merupakan hanya setahun sekali sahaja, maka peluang-peluang yang lain banyak terbuka di hadapan kita iaitu semasa perjumpaan-perjumpaan dalam bidang lawatan-lawatan pucuk pimpinan ke negeri-negeri dan Bahagian boleh mengemukakan segala kecurigaan dan rasa tidak puashati itu.

Dalam hubungan ini saya sukalah mengingatkan ahli-ahli UMNO seluruhnya supaya sentiasa berwaspada agar tidak terpedaya dengan tindak-tanduk yang kurang sihat itu. Jika kita sangkakan yang

perjuangan kita sekarang ini telah lari dari landasan yang telah ditetapkan itu, sewajarnya pucuk pimpinan yang memegang teraju perjuangan kita itu ditegur serta dipandukan ke jalan yang sebenarnya.

Tetapi menyuarakakan perkara-perkara seperti ini melalui alat sebaran 'am dengan tujuan mendapat perhatian dan simpati umum, tentulah terkeluar dari tata-susila dan peraturan. Sesungguhnya memang ada orang-orang samada di dalam atau di luar parti, yang suka melimpar batu sembunyi tangan, dengan tujuan mencapai niat dan cita-cita tertentu. Ingatlah keburukan akibat membenarkan diri kita di pergunakan oleh anasir-anasir seperti ini.

UNDI

Memanglah undi tidak percaya merupakan satu jalan keluar yang mudah terhadap sesuatu penyelesaian masalah, tetapi penyelesaian itu hanyalah untuk jangka pendek sahaja. Kesan-kesan buruk akan diperbesarkan oleh sebilangan akhbar yang kurang bertanggungjawab hingga jika kita tidak amat-amati akan terjerumus dalam perangkap pihak-pihak yang mempunyai kepentingan tertentu sehingga pada akhirnya kita tidak dapat sama sekali keluar daripada masalah itu.

Memang benar undi adalah hak asasi bagi seseorang ahli dalam parti yang mengamalkan sistem demokrasi. Sesungguhnya undi adalah kuasa dalam demokrasi dan ia juga merupakan senjata yang boleh membunuh demokrasi.

Saya suka **mengingatkan** para perwakilan dan ahli-ahli UMNO seluruhnya bahawa **hak atau kuasa itu bukanlah satu prinsip bahkan ianya satu tanggungjawab. Tiap-tiap hak yang tidak disertakan dengan tanggungjawab tidak akan mutlak dari segi hakikat.** Tanggungjawab memang luas bidangnya kerana bukan sahaja terhadap diri sendiri atau setakat keluarga atau hanya setakat parti bahkan tanggungjawab itu melibatkan negara dan dunia. Saya tidaklah berhajat hendak berfalsafah dalam menekankan soal tanggungjawab ini kerana dalam kita terlalu banyak berfalsafah ia akan hanya meletakkan kita dalam keadaan yang **statik.**

Saya mahukan ahli-ahli parti sekalian bersikap **pragmatik dan meletakkan kepentingan nasional di atas segala-gala kepentingan peribadi atau golongan.** Oleh itu saya sukalah mengambil kesempatan di sini **mengingatkan setiap ahli parti supaya bergerak dengan berpandukan kepada Perlembagaan dan menyandarkan tindakan dan keputusan kita kepada 'nasional conscience'.** Tanggungjawab kita sebagai parti yang mendukung Barisan Nasional dan memegang teraju pentadbiran Kerajaan ialah untuk menonjolkan sifat dan contoh yang baik supaya parti kita sentiasa disegani dan dihormati.

Sebagai sebuah parti yang menganuti dan mengamalkan sistem demokrasi, sebaik-baiknyalah kesucian sistem ini dilahirkan dari peringkat cawangan lagi, walau bagaimana kecil bilangan

ahlinya sekalipun dalam cawangan itu. Adalah penting dipatuhi cara dan sistem ini kerana cawangan-cawangan menjalani pemilihan jawatan kuasa pada tiap-tiap tahun dan wakil-wakil Bahagian ke Perhimpunan Agong ini adalah ditentukan dari perwakilan-perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Bahagian.

Sebenarnya, jika kita sentiasa bertindak sebagai pemimpin yang jujur dan ikhlas, tiada apa jua pun yang kita bimbangkan. Kita ibaratkan permata asli, dicampak kedalam longkang sekalipun, ia akan tetap menyinar dan bercahaya. Sifat-sifatnya jauh berbeza dengan pemata tiruan. Demikianlah juga halnya dengan ahli-ahli kita. Mereka hendaklah pandai membezakan diantara permata asli yang bernilai dan kaca yang diukir dan dicetak sebegitu rupa.

Dari itu kita haruslah pandai menggunakan undi kita itu secara bijaksana. Jika kita jujur dan ikhlas tiada apa yang hendak kita takutkan. Kuasa undi di tangan kita. Kita bebas memilih sesiapa jua tanpa paksaan, ugutan dan desakan.

Saya sukalah mengingatkan ahli-ahli supaya jangan melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi peraturan dalam apa jua mesyuarat atau persidangan mahupun pemilihan, kerana wabak penyakit seperti ini jika tidak diteliti dan diawasi di peringkat cawangan, akan merebak ke peringkat Bahagian. Lebih-lebih lagi pada tahun hadapan, kerana pemilihan ahli jawatankuasa diadakan di semua peringkat. Perhimpunan Agong ini

juga akan memilih Ahli Majlis Tertinggi pada tahun 1978. Itulah sebabnya pada pendapat saya mesyuarat perwakilan tahun hadapan serta Perhimpunan Agung juga akan lebih hebat dan hangat.

HASRAT SUCI

Sebagaimana ramai yang mengetahui bahawa UMNO telah ditubuhkan 31 tahun yang lalu di atas landasan yang begitu kukuh serta kata sepakat dari berbagai persatuan dan pertubuhan orang-orang Melayu khasnya kerana menentang dan menghancurkan Malayan Union. Oleh kerana selama ini parti kita tidak pernah lari dari prinsip-prinsip perjuangannya yang telah ditetapkan itu, UMNO terus kekal wujud dan kukuh hingga sekarang ini. Parti kita telah subur dan berkembang besar, membela serta memelihara hak mutlak, kebajikan serta kepentingan orang-orang Melayu.

Di samping itu UMNO sentiasa memberi layanan yang saksama serta perlindungan kepada seluruh rakyat dan penduduk Malaysia yang lain yang telah memberikan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara yang kita kasihi dan cintai ini. Inilah hakikat dan tujuan suci kita yang seharusnya tidak disangsikan oleh sesiapa pun – sama ada rakan-rakan kita dalam Barisan Nasional, rakyat jelata mahupun warga negara asing yang bermustautin di sini.

Kita sentiasa lahirkan hasrat suci ini dalam sebarang tindakan kita. Setiap dasar yang digubal

dilulus dan dilaksanakan mencerminkan hasrat ini. **Tujuan utama kita ialah mengekalkan keamanan serta meningkatkan kemajuan supaya negara dan rakyat dapat terus wujud dan hidup dalam aman, makmur dan bahagia.**

Dalam usaha kita mencapai matalamat ini ada lima perkara penting yang harus dititikberatkan oleh semua gulungan rakyat dan penduduk di negara ini.

Pertama: Kita mestilah sanggup berkorban jiwa raga sekalipun, bagi **mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.** Tugas ini telah dapat kita tunaikan selama hampir 20 tahun sejak kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Sungguhpun dalam tahun 1963 hingga tahun 1965 kedaulatan kita telah digugat oleh konfrantasi, tetapi berkat ketabahan hati serta taat setia rakyat yang tidak berbelah bahagi kita telah berjaya menghadapi ancaman itu.

Kedua: Dalam usaha kita mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita hendaklah **menjamin keselamatan negara** yang berkekalan. Sungguhpun negara mempunyai pasukan keselamatan yang cukup dan cekap bagi mengawal sebarang keadaan yang mungkin timbul disebabkan ancaman-ancaman yang kita hadapi, rakyat haruslah memainkan peranan dan tanggungjawab mereka masing-masing serta bekerjasama sepenuhnya dengan pihak tentera dan polis menguatkuasakan undang-undang. Segala peraturan dan langkah yang dikenakan adalah bertujuan bagi

menjamin keselamatan negara seluruhnya. Langkah dan peraturan ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan ditaati. Ini adalah perlu supaya pasukan keselamatan dan pihak berkuasa dapat membezakan musuh dan anasir-anasir jahat yang berkeliaran di kalangan rakyat dan penduduk. Sebarang langkah dan tindakan sudah pasti menghasilkan kesan yang baik jika rakyat dan penduduk yang taat setia sentiasa patuh kepada peraturan dan undang-undang yang dikuatkuasakan bagi menjamin keselamatan negara.

Ketiga: Iaitu perkara yang paling penting sekali ialah **mengeratkan perpaduan dan persefahaman** di kalangan rakyat berbilang kaum bagi mencapai kejayaan maksud perkara pertama dan kedua. Perkara ketiga ini juga penting bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru.

Keempat: Menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga yang merupakan ekoran rancangan-rancangan pembangunan yang lalu yang telah disusun dan dilaksanakan bagi meninggikan taraf ekonomi rakyat seluruhnya serta memperbaiki keadaan hidup penduduk yang miskin dan daif di kawasan-kawasan luar bandar dan di bandar juga.

Ke Lima: Yang merupakan atas dari segala-galanya ialah **mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru**. Sebagaimana kita sekalian sedia maklum Dasar ini digubal dan dilaksanakan bagi mencapai dua tujuan utama iaitu membasmi kemiskinan di kalangan rakyat tanpa mengira kaum serta

menyusun semula masyarakat berbilang kaum yang dahulunya dikenali mengikut pekerjaan masing-masing, supaya dapat mewujudkan masyarakat Malaysia, kukuh dan bersatu padu.

Inilah jaminan bagi masa depan kita. Jaminan ini boleh memastikan bahawa perpaduan yang telah dicapai sekarang ini akan terus meningkat dan kekal buat selama-lamanya.

BERSATU

Saya harap serta menegaskan perlunya kita menitikberatkan serta menumpukan segala usaha dan tenaga kita bagi menjayakan dengan penuh kesungguhan dan keupayaan segala maksud yang terkandung dalam kelima-lima perkara penting ini. Langkah yang paling berkesan sekali dalam usaha kita mencapai segala maksud dan matalamat lima perkara ini ialah menerusi seruan baru kita iaitu **BERSATU** dengan menyatupadu serta mengembelingkan kekuatan kita.

Kita BERSATU mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Kita BERSATU menjamin keselamatan negara.

Kita BERSATU mengeratkan perpaduan dan persahabatan.

Kita BERSATU menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga, dan

Kita BERSATU mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru.

Kita, sewajarnya bukan sekadar melaung-melaungkan seruankata ini, malah membuktikan dalam segala tindakan dan perbuatan kita khususnya bagi mencapai maksud lima perkara yang telah saya huraikan sebentar tadi.

Sesungguhnya peribahasa “BERSATU TEGUH BERCERAI RUBUH” amatlah tepat dan sesuai dengan hasrat seruan kata atau cogan kata kita ini.

Sebagai usaha mempopularkan kegunaan cogan kata ini kita telahpun menamakan Koperasi UMNO dengan nama rengkas KOOP BERSATU sementara akhbar lidah rasmi UMNO yang dahulunya bernama SUARA MERDEKA ditukarkan dengan nama SUARA BERSATU. Akhbar ini akan dikeluarkan mulai hari ini. Bagi permulaan ia akan dikeluarkan sebulan sekali, tetapi jika terdapat sambutan baik dari kalangan ahli dan rakyat kita akan menerbitkan sebagai akhbar mingguan. Saya harap sekalian ahli UMNO akan memberi sokongan dan sumbangan kepada akhbar baru ini.

Satu lagi usaha besar bagi mengeratkan serta meninggikan imej parti ialah membina bangunan baru sebagai melambangkan kegiatan dan perkembangan UMNO selama ini. Majlis Tertinggi telah pun memutuskan supaya di dirikan sebuah Komplek di atas tapak tanah seluas 9 ekar di Jalan Tun Dr. Ismail. Kita perlu mencari kewangan bagi menambah satu peruntukan yang telah dikumpulkan. InsyaAllah dengan izinNya pembinaannya akan dapat dimulakan pada tahun hadapan.

KEMAJUAN

Sungguhpun pada hakikatnya Rancangan Malaysia Ketiga hanya dilancarkan hampir setahun tetapi projek dan rancangannya yang merupakan lanjutan dari Rancangan Malaysia Kedua, telah diselenggarakan sejak awal tahun lalu. Sekali pun penilaian yang lengkap belum lagi diperbuat mengenai kemajuan ekonomi dalam tempoh satu tahun setengah, banyak kemajuan yang telah dicapai hingga hari ini.

Suatu perkembangan yang amat menggalakkan ialah ekonomi kita telah mula puleh semula dengan baik semenjak keadaan kemelesetan yang telah berlaku dalam tahun 1975. Keluaran kasar Negara telah bertambah sebanyak 11% dalam tahun 1976, iaitu lebih tinggi daripada yang dijangkakan. Oleh kerana bertambah baiknya keadaan ekonomi dunia, eksport negara pun telah meningkat sebanyak 45%. Ini adalah disebabkan kenaikan harga getah, bijih timah, kayu-kayu dan balak-balak yang bergergaji.

Ekspot minyak telah juga meningkat sebanyak 90% dari pengeluarannya dari 99,000 tong sehari dalam tahun 1975 kepada 165,000 tong sehari dalam tahun 1976. Pada masa ini keluaran minyak adalah sebanyak 190,000 tong sehari dan mengikut prospek Rancangan Malaysia Ketiga paras pengeluaran setinggi ini sepatutnya dicapai dalam tahun 1978. Perjanjian Pembahagian Pengeluaran yang telah ditandatangani antara Kerajaan dengan syarikat-syarikat minyak telah menggalakkan pelaburan dalam sektor petroliam.

Usaha-usaha meningkatkan mutu dan pengeluaran getah melalui FELDA telah juga ditingkatkan. Tanaman getah dan tanaman getah baharu oleh RISDA, rancangan parit dan taliair, kredit luarbandar dan perkhidmatan-perkhidmatan tambahan telah juga diberi perhatian yang pesat. Rancangan-rancangan Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA dan Lembaga Padi dan Beras Negara akan juga diperluaskan lagi.

Peranan PERNAS, UDA, SEDC, dan MARA untuk mempelupori rancangan-rancangan menyusun semula masyarakat akan juga diperluaskan lagi. Projek-projek yang diusahakan oleh lain-lain ejensi dan pihak berkuasa pembangunan seperti Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Trengganu Tengah, dan tidak lama lagi kawasan Ulu Kelantan adalah dilaksanakan kearah tujuan yang sama.

Projek-projek seperti Dermaga Tanjung Gelang di Kuantan, Pahang dan pusat pembekalan di Cukai, Kemaman, Trengganu yang akan mengendalikan perusahaan petroliam, dan lain-lain rancangan besar yang akan diselenggarakan di Pantai Timur, akan mengurangkan imbalan wilayah yang tidak sama dinegara ini.

IKLIM BAIK

Pelaburan-pelaburan swasta adalah juga mustahak untuk mengadakan peluang-peluang kepada kaum Bumiputra mengambil bahagian yang lebih luas lagi dalam lapangan kegiatan ekonomi

moden terutama sekali dalam sektor perindustrian dan perdagangan. Inilah sebabnya Kerajaan telah mengorak langkah mengemukakan pengubahsuaian-pengubahsuaian kepada Akta Kemajuan Petroliaam dan Penyelarasan Perindustrian dengan maksud hendak memperbaiki keadaan pelaburan dan membolehkan matalamat pelaburan bagi sektor swasta itu dicapai di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Selain daripada itu Jawatan-kuasa Kabinet mengenai Pelaburan yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri itu akan terus memerhatikan dengan teliti terhadap peraturan pentadbiran dan undang-undang berkaitan dengan pelaburan-pelaburan swasta dengan tujuan hendak membantu pelabur-pelabur melaksanakan projek-projek mereka dengan licin.

Bagi memastikan langkah dan usaha Kerajaan ini mendatangkan hasil yang lebih berkesan, semua pihak adalah diingatkan supaya tidak melakukan sesuatu yang boleh menjejaskan iklim baik yang wujud sekarang ini yang boleh menarik serta menggalakkan pelaburan luar ke negara kita. Ingatan ini khusus saya tujukan kepada kesatuan kesatuan sekerja yang sentiasa menggunakan senjata tindakan perusahaan dalam sebarang tuntutan kenaikan gaji atau syarat-syarat perkhidmatan.

Kerajaan memanglah mengalualukan kegiatan dan pergerakan kesatuan sekerja yang sihat. Kita juga menggalakkan kesatuan-kesatuan sekerja yang kecil-kecil yang mempunyai bidang dan lapangan perkhidmatan dan kerja yang sama, bercantum atau bergabung ke dalam pertubohan yang lebih

besar dengan tujuan menghasilkan faedah yang lebih berkesan dalam memperjuangkan kepentingan dan kebajikan anggota mereka.

Tetapi sayang, ada pula sebilangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, setelah diberikan keyakinan dan kepercayaan oleh anggota yang begitu ramai, lupakan kepada kewajipan dan tanggungjawab mereka terhadap rakyat dan negara. Mereka menggunakan kuasa sewenang-wenangnya serta menunjokkan kekuatan jumlah bilangan ahli gabungannya mengugut dan memaksa majikan tunduk kepada tekanan dan tuntutan mereka itu.

Oleh kerana pengkhususan dan kemahiran mereka dalam bidang ini, mereka petah berdolak-dolak serta memberi penerangan yang tidak betul dan berlainan kepada anggota-anggota kesatuan dan majikan, dengan tujuan muncul sebagai pelupor. Sebenarnya mereka ini menggunakan keyakinan dan kepercayaan yang diamanahkan kepada mereka itu untuk lebih menonjolkan keperibadian pimpinan mereka sendiri dari memperjuangkan kepentingan dan kebajikan anggota kesatuan seluruhnya.

Kerajaan sentiasa bersikap adil dan kerap kali melayani serta memberi pertimbangan yang saksama terhadap sebarang tuntutan kenaikan gaji yang dikemukakan oleh pekerja-pekerjanya. Dalam menimbang tuntutan, Kerajaan terpaksa memikirkan bersama kepentingan dan kebajikan rakyat seluruhnya terutama penduduk-penduduk kawasan-kawasan luar bandar yang miskin dan daif yang juga

memerlukan perhatian. Kerajaan tidak dapat memenuhi sepenuh tuntutan yang jumlah besarnya terkeluar dari kemampuan dan keupayaan punca kewangannya atau jika dibayar akan menjejaskan ekonomi negara seluruhnya. Jika keadaan ekonomi negara kita mundur atau merosot, akibat buroknnya akan juga dirasakan oleh kaum sekerja.

JAMINAN

Kenaikan-kenaikan harga dalam tahun 1976 adalah rendah jika dibandingkan dengan keadaan inflasi antara tahun 1973 dan tahun 1974. **Kerajaan akan terus memerhatikan serta mengawasi kenaikan harga barang-barang ini supaya langkah-langkah yang mustahak dapat diambil bagi mengelakkan daripada berlaku lagi kenaikan harga barang yang tinggi dalam negara ini.**

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha Kerajaan meningkatkan lagi pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, parti kita telahpun menubuhkan **KOOP BERSATU** yang telah saya resmikan pelancarannya pada 11hb. Mei, lalu, sempena perayaan ulangtahun UMNO yang ke 31. Borang borang untuk menjadi ahli yang dibuka kepada ramai telahpun dibahagi-bahagikan. Saya harap semua ahli UMNO akan menjadi ahli **KOOP BERSATU** dengan membeli saham seberapa banyak yang boleh mengikut kemampuan masing-masing.

KESELAMATAN

Politik, ekonomi, perpaduan dan keselamatan adalah perkara-perkara yang mempunyai kaitan antara satu sama lain. Kita tidak boleh mencapai taraf ekonomi yang lebih meningkat jika kestabilan politik kita tidak kukuh. Jika kedua-dua ini tidak stabil maka sudah tentu perpaduan kita akan tergugat dan ini akan menjejaskan keselamatan negara.

Syukurlah kita telah dapat mengekalkan perpaduan di kalangan parti-parti politik dalam Barisan Nasional serta diantara rakyat berbilang kaum. Dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga dan projek-projek di bawah Dasar Ekonomi Baru, kita akan terus dapat mengekalkan kestabilan ekonomi negara. Apa yang diperlukan ialah memastikan supaya keselamatan negara yang terkawal dan terjamin sekarang ini dapat terus kekal agar usaha-usaha Kerajaan meningkatkan lagi taraf ekonomi rakyat serta memperbaiki keadaan hidup mereka yang miskin dan daif di kampung dan di kawasan-kawasan perbandaran, tidak akan terganggu dan tergendala.

Syukurlah juga dengan tindakan tegas dan langkah-langkah ketat Kerajaan serta pergerakan cekap anggota pasukan keselamatan, keadaan keselamatan di negara ini semakin bertambah baik. Kejadian-kejadian yang berlaku telah juga berkurangan. Bertambah pula kesedaran yang ditunjukkan oleh orang ramai menyampaikan segera maklumat-maklumat mengenai segala kegiatan dan perbuatan yang disyaki

amatlah menggalakkan. Ini membolehkan pasukan keselamatan bertindak dengan cepat. Saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada rakyat yang telah bekerjasama dan memberikan sokongan kepada anggota pasukan polis dan tentera menjalankan tugas dan peranan mereka menjaga dan mempertahankan keselamatan negara.

PENGHARGAAN

Saya juga suka mengambil kesempatan ini melahirkan penghargaan tinggi kepada Kerajaan Negeri Thai, khususnya anggota-anggota pasukan keselamatan negara jiran kita itu, yang telah mengambil bahagian dalam gerakan "Daoyai-Musnah" di kawasan sempadan. Kejayaan cemerlang yang telah diperolehi dari gerakan bersama itu telah memutuskan tali perhubungan serta melumpuhkan kegiatan-kegiatan jahat pihak musuh kita. Saya penuh yakin dengan adanya juga kerjasama dan persefahaman antara kita dengan pihak berkuasa Indonesia dan Kerajaan Singapura, usaha kita mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara serta mengekalkan sistem hidup dan keperibadian kita sendiri, akan terus berjaya.

Dalam hubungan ini saya sukalah menyeru seluruh rakyat memberikan sepenuh sokongan kepada pasukan keselamatan dan seterusnya menyumbangkan khidmat bakti mereka membantu usaha-usaha Kerajaan menghancurkan serta menghapuskan kegiatan komunis, anasir-anasir subversif dan anti-nasional supaya kita dapat terus hidup dalam aman, makmur dan bahagia.

Mereka hendaklah melibatkan diri dalam sistem pertahanan kampung dan kawasan dengan menyertai yunit-yunit RELA dan Rukun Tetangga.

Disamping ancaman dari penganas komunis, anasir-anasir subversif dan anti-nasional, kita juga menghadapi kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah. Langkah-langkah yang ketat dan sesuai telah pun diambil bagi mencegah kegiatan dan perbuatan keji ini daripada berleluasa.

Kerajaan mengambil perhatian yang berat terhadap masalah ini supaya ia tidak menjejaskan keadaan keselamatan negara yang sedang terkawal sekarang. UMNO sendiri telah juga bertindak bagi menghadapi dan mengatasi masalah dadah yang burok ini.

Selain dari rancangan dan kemudahan pemulauan untuk penagih-penagih dadah bagi membolehkan mereka ini memulakan penghidupan baru dalam masyarakat, nilai pelajaran agama telah ditingkatkan di sekolah-sekolah dan di pusat pusat pengajian tinggi supaya dapat mencegah ramai bilangan muda-mudi kita dari terjerumus ke lembah yang hina.

Itulah sebabnya saya selalu menyarankan **perlunya diberi didikan agama kepada anak-anak kita supaya di masa dewasanya, mereka tidak senang dipengaruhi oleh sebarang gejala yang tidak sihat yang boleh menyebabkan keruntuhan ahlak.** Ibubapa juga hendaklah sentiasa mendekati anak-anak mereka serta meneliti dan mengasasi

pelajaran dan kegiatan mereka agar masa depan mereka akan lebih terjamin.

PENDIDIKAN

Kerajaan menyediakan berbagai kemudahan dengan tujuan meninggikan lagi pendidikan rohani dan jasmani serta mutu pelajaran anak-anak kita, khusus dalam jurusan sains dan teknologi. Di samping menambahkan bilangan tempat di universiti-universiti tempatan, usaha-usaha juga dijalankan bagi mendapatkan tempat di universiti-universiti luar negeri atau mendapat tambahan tempat dan kemudahan di pusat-pusat pengajian luar negeri, terutama di negara-negara Islam, di mana ramai pelajar-pelajar kita sedang mengikut berbagai kursus.

Kesemuanya ini dilakukan khusus bagi menampung keperluan pelajar-pelajar kita yang telah menunjuk minat dan keupayaan yang menggalakkan. Ini merupakan natijah yang baik kerana pelajaran merupakan asas penting mewujudkan tenaga Bumiputra yang diperlukan bagi mengisi jurang di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Di samping itu pengajian dalam jurusan agama juga diperhebatkan. Bagi menampung keperluan masa depan yang semakin bertambah, sebuah Maktab Perguruan Agama yang tersendiri telahpun ditubuhkan. Kegiatan-kegiatan lain dengan tujuan meninggikan lagi syiar Islam dijalankan oleh Bahagian Agama dan Pusat Islam yang di bawah kelolaan Jabatan saya sendiri.

Saya sukalah memberi pengakuan di sini bahawa Kerajaan akan menjalankan apa jua langkah yang boleh dan sesuai bagi meninggikan lagi syiar dan kesucian Islam serta menjamin kedudukan yang tinggi Ugama suci ini sejajar dengan tarafnya sebagai Ugama Resmi negara kita.

DASAR LUAR

Hasil yang besar lagi berfaedah telah diperolehi dari lawatan saya ke negar-negara Islam iaitu Arab Saudi dalam bulan Ogos tahun lalu dan ke Republic Arab Mesir, Libya, Turkey dan Iraq pada awal tahun ini. Selain dari dapat mengeratkan perhubungan persahabatan dan persaudaraan, kita telah juga dapat menandatangani beberapa perjanjian kerjasama dua hala dan bantuan teknik khasnya dalam bidang sains dan teknologi.

Di samping mencari sahabat-sahabat baru yang boleh menguntungkan rakyat dan negara, kita sentiasa mengeratkan hubungan kita dengan negara-negara jiran tetangga, terutama dalam bidang ekonomi dan kerjasama dua-hala. Dalam melaksanakan dasar luar yang berkecuali dan bebas, kita sentiasa menghulur tangan untuk bersahabat kepada semua negara yang hendak berbaik-baik dengan kita, tidak kira apa jua corak pentadbiran dan ideoloji politik mereka, asalkan mereka sanggup mengakui kemerdekaan dan ke-aulatan kita dan tidak akan campurtangan dalam hal-ehwal dalam negeri kita.

Dalam usaha kita meluaskan pasaran barang-barang mentah pengeluaran kita serta berikhtiar mendapatkan harga yang lebih tinggi dan stabil untuk barang-barang ini, atau mendapatkan bantuan ekonomi dan kerjasama bagi menjayakan rancangan-rancangan pembangunan, kita tidak akan sama sekali menggadaikan maruah dan keperibadian kita atau tunduk kepada sebarang tekanan dan ikatan.

Kita memanglah mengalu-alukan bantuan atau pinjaman dari luar untuk membiayai rancangan-rancangan pembangunan kita. Tetapi kita lebih suka kepada jaminan agar barang-barang pengeluaran utama kita itu mendapat harga pasaran yang adil dan tinggi tanpa sebarang tekanan dari negara-negara tertentu yang boleh menjatuhkan harga barang-barang kita itu.

Keputusan Persidangan Komenwel menubuhkan Jawatan kuasa Kerja Teknik (Technical Working Group) untuk mengkaji serta menerangkan kepada negara-negara maju terhadap cadangan penubuhan Tabung Bersama membiayai stok Penimbal Barangan, merupakan natijah baik bagi Malaysia.

Satu lagi keputusan Persidangan Konmenwel yang akan memberi faedah kepada negara ialah supaya pemberian pinjaman yang dikenakan faedah rendah tidak seharusnya berasaskan kepada pendapatan per kapita sesabuah negara semata-mata, tetapi faktor-faktor lain patut juga diberikan pertimbangan.

Pada masa-masa yang lalu, oleh kerana pendapatan per kapita kita adalah tinggi, Malaysia

telah dianggap sebagai negara yang maju dan ditakrifkan sebagai tidak layak menerima pemberian pinjaman yang dikenakan faedah rendah itu, padahal kita mempunyai lebih kurang 45 peratus bilangan keluarga yang bertaraf miskin dikalangan penduduk kita.

Dalam bidang kerjasama serantau pula, sungguh pun kejayaan yang telah dicapai setakat ini diantara negara-negara ASEAN amatlah membanggakan, tetapi banyak lagi yang harus dilakukan supaya kesan yang lebih bermakna dan mendalam dapat diperolehi, yang boleh dinikmati bersama oleh rakyat-rakyat di rantau ini, khasnya negara-negara ASEAN sendiri.

Malaysia telah diberi penghormatan menjadi tuan rumah kepada Persidangan Kemuncak Kedua Ketua-Ketua Negara ASEAN yang akan berlangsung di Ibu Negara pada bulan depan. Bersempena dengan Persidangan Kemuncak yang kedua ini, Ketua-ketua Negara ASEAN telah juga bersetuju mengambil peluang menemui Perdana-perdana Menteri Australia, Jepun dan New Zealand. Sebagaimana kita sedia maklum, negara-negara anggota ASEAN mempunyai hubungan ekonomi dan kerjasama yang rapat dengan negara-negara ini dan adalah penting bagi kita mengekalkan suasana persefahaman dan kerjasama yang baik demi kepentingan kedua-dua belah pihak.

Adalah diharapkan agar Persidangan Kemuncak Yang Kedua ini akan dapat mengeratkan lagi

kerjasama serantau supaya ASEAN dapat terus bergerak mencapai matalamat kejayaan yang lebih meningkat lagi.

INGATAN

Kekuatan sesabuaah negara bukanlah dinilai kepada kekuatan tentera dan polis sahaja, tetapi bergantung kepada semangat dan jiwa rakyat. Jika rakyat sanggup berkorban bukan sahaja tenaga bahkan jiwa-raga mereka sekalipun bagi mempertahankan negara, maka tidak ada satu kuasa dalam dunia ini yang boleh menakluk negara kita.

Demikianlah juga halnya dengan UMNO kerana kekuatan sesabuaah parti politik, macam mana besar sekali pun, adalah bergantung kepada keutuhan dan perpaduan tiap-tiap orang ahlinya. Kalau ahli-ahlinya benar-benar patuh kepada perjuangan parti, sentiasa menjaga serta mengawasi perjuangan itu tidak menyeleweng dari dasar yang telah ditetapkan, maka UMNO akan tetap kukuh dan teguh.

Saya telahpun bercakap dengan panjang lebar menyentuh aspek-aspek yang penting. Lain-lain perkara telah banyak saya perkatakan dalam beberapa bulan lalu semasa meresmikan persidangan-persidangan perwakilan UMNO Bahagian, Kursus Politik Pergerakan Wanita, Kursus Penerangan UMNO Selangor, Perayaan Ulangtahun UMNO yang ke 31 dan Pelancaran Resmi KOOP BERSATU serta lain-lain upacara resmi di mana

saya telah mengambil peluang menyuarakan perkembangan politik parti dan tanahair serta ekonomi negara yang boleh dijadikan panduan dan ingatan kepada ahli UMNO seluruhnya.

Saya tidaklah berhajat mengulangi perkara-perkara itu dalam ucapan saya di Perhimpunan Agung pagi ini. Tetapi apa yang saya hendak jelaskan di sini bahawa segala apa yang telah diperkatakan dan mungkin yang akan disuarakan nanti adalah datang dari hati yang ikhlas dan suci. Saya harap ahli-ahli dapat mengikutinya dengan penuh ketenangan dan keinsafan.

Dengan adanya ketenangan, kejujuran dan keikhlasan sudah tentu kita boleh mencapai ketenteraman, kebahagiaan dan kemakmoran. Sebagaimana yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman ulangi baru-baru ini, "UMNO akan terus kukuh dan kuat selagi pemimpin-pemimpinnya jujur dan ikhlas." Saya harap setiap peringkat pucuk pimpinan hendaklah mengambil perhatian berat kepada ingatan ini.

Insyaa Allah, jika kita jujur dan ikhlas dalam sebarang perbuatan dan tindakan kita Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati perjuangan kita serta mengurniakan tenaga, kekuatan dan keupayaan kepada kita bagi membolehkan kita mencapai matalamat perjuangan yang lebih tinggi lagi.

Para perwakilan sekalian,

Dengan ini saya mendo'akan semuga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan taufiq dan hidayat kepada kita sekalian supaya Persidangan Agung yang Ke 28 ini dapat menghasilkan keputusan-keputusan yang berfaedah dan berguna kepada bangsa, ugama dan negara.

Terimakasih